

**Najib Adakan Sidang Televideo Dengan Rakyat Malaysia Di Beijing
Bernama
19 Ogos, 2012**

BEIJING, 19 Ogos (Bernama) -- Kegembiraan menyambut hari pertama Aidilfitri hari ini dikongsi oleh Duta Besar Malaysia ke China Datuk Iskandar Sarudin dan 25 rakyat Malaysia di Beijing bersama-sama Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dan isteri Datin Seri Rosmah Mansor melalui sidang televideo di sini.

Rakyat Malaysia itu terdiri daripada wakil pelajar yang menuntut di Beijing, wakil warga Malaysia yang bermastautin di Beijing dan pegawai Kedutaan Besar Malaysia di Beijing.

Iskandar berkata terdapat kira-kira 15,000 orang rakyat Malaysia kini bermastautin di China.

"Daripada jumlah ini, 3,000 orang terdiri daripada pelajar dan mereka kebanyakannya tertumpu di Beijing, Shanghai dan Guangzhou," katanya pada sidang televideo itu.

Beliau berkata di Beijing sahaja, terdapat hampir 2,500 rakyat Malaysia dan seramai 600 orang adalah pelajar iaitu 155 orang ditaja oleh Majlis Amanah Rakyat (Mara) dan Kementerian Pengajian Tinggi manakala selebihnya tajaan sendiri.

"Beijing Foreign Studies University dan Beijing Language and Culture University merupakan dua pusat pengajian tinggi bagi pelajar Malaysia melanjutkan pelajaran dalam Bahasa Mandarin. Bidang-bidang lain pula ialah kejuruteraan, perubatan tradisional China dan lain-lain," katanya.

Iskandar berkata pada masa ini, Yayasan Al-Bukhari juga menaja 20 pelajar untuk belajar Bahasa Mandarin dan Kebudayaan Cina selama enam bulan (Mac - September) di Beijing Sports University di bawah 'program mobiliti pelajar', dan sebahagian daripada mereka turut hadir pada hari ini.

Sementara itu, wakil pelajar dari Beijing University of Chinese Medicine, Tee May Chin, 23, berkata sesi sidang televideo itu sangat menggembirakan mereka semua.

"Lebih-lebih lagi apabila seluruh rakyat Malaysia sedang bergembira menyambut Hari Raya tetapi kami berada jauh di perantauan, merindui ibu bapa dan tanah air, terima kasih kerana tidak melupakan kami," katanya.

Mohamad Sabri Sinal, 24, yang menyertai 'program mobiliti pelajar di Beijing Sports University, berkata sistem pendidikan di China berteraskan kemajuan dan berupaya menghasilkan golongan generasi muda yang peka kepada kemajuan sains dan teknologi.

Katanya antara faktor yang menyumbang kepada kejayaan ini adalah sifat berdikari, amat berdisiplin dan bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas mereka sebagai pelajar.

"Kami di Beijing berjanji akan sentiasa berusaha keras dan menumpukan perhatian kepada pelajaran. Dalam pada itu, kami juga akan sentiasa menjaga nama baik Malaysia," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Dewan Perniagaan dan Perindustrian Malaysia Godwin Cheng berkata sungguhpun tinggal di luar negara, mereka menggunakan setiap peluang yang ada untuk memaparkan imej positif tentang Malaysia dan mencapai kecemerlangan dalam urusan perniagaan serta peribadi di China.

"Kami mengharapkan kepada Datuk Seri untuk menghasilkan yang terbaik dalam kalangan semua rakyat Malaysia, tanpa mengira bangsa, agama atau kepercayaan, bersama-sama kita boleh dan kita pasti.

"Ayuh raikan kepelbagaian kita, kerana ia menjadikan Malaysia sebuah negara yang benar-benar unik dan bahagia," katanya.

Loh Wee Keng yang mewakili rakyat Malaysia yang bermastautin di Beijing berkata berikutan pelbagai kemajuan dan pelan transformasi kerajaan yang sedang dilaksanakan, mereka mengimpikan suatu keputusan positif yang membawa kemakmuran, keselamatan dan keharmonian kepada Malaysia.

"Di pihak kami pula, kami terus berbangga dan berbesar hati kerana menjadi rakyat Malaysia, dan melaksanakan peranan kami ke arah kemajuan dan pertumbuhan di Malaysia," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=688984>